



**BANK PERTANIAN MALAYSIA
BERHAD**

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Mandat Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) berdasarkan Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [Akta 684] ialah menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian dengan mengukuhkan tanggungjawab sosio-ekonomi. Selaras dengan mandat yang diberikan, aktiviti utama Agrobank adalah memberi pembiayaan sekurang-kurangnya pada kadar minimum 70% kepada aktiviti yang berasaskan pertanian. Selain itu, Agrobank menerima deposit dan simpanan daripada pelanggan.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama Agrobank yang dinilai adalah kemudahan pembiayaan yang dimandatkan berkaitan pertanian bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan September 2021.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); prestasi pembiayaan dimandatkan; dan prestasi kewangan. Pencapaian keberhasilan pula berdasarkan peranan pembangunan dimandatkan; serta keberhasilan penggunaan dana pendeposit dan dana Kerajaan (pembiayaan dan geran).
- Dua perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti pembiayaan ialah pengesahan tujuan pembiayaan dan pengurusan pembiayaan terjejas.
- Penilaian terhadap sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO); Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan KPI; Prosedur Operasi Standard; Jawatankuasa Audit; Audit Dalaman; serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dibuat bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Agrobank berperanan penting dalam pembangunan sektor pertanian melalui pembiayaan kewangan dan seterusnya membawa perubahan kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan mandat yang diberikan oleh Kerajaan.
- Setakat bulan September 2021, Agrobank mempunyai 247,989 akaun pelanggan dengan jumlah pembiayaan diluluskan RM58.4 bilion dan baki pembiayaan RM13.354 bilion menggunakan sumber dana pendeposit dan Kerajaan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Agrobank telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembiayaan bagi pembangunan sektor pertanian yang dimandatkan. Pencapaian output KPI telah melebihi tahap minimum 80% yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) iaitu antara 93% hingga 98.6%. Namun perkara yang perlu diberi perhatian ialah seperti berikut:
 - sumbangan pembiayaan dimandatkan yang direkodkan melebihi 89% berbanding sasaran 70% mengambil kira pembiayaan peribadi Agrocash sebenarnya tidak menjelaskan pembiayaan yang dibuat bagi tujuan pertanian. Perkara ini berdasarkan aktiviti pembiayaan tertinggi Agrobank iaitu pembiayaan peribadi Agrocash tidak mewajibkan permohonan bagi tujuan membiayai aktiviti pertanian;
 - pembiayaan bagi pembelian tanah yang tidak diusahakan berkaitan dengan aktiviti pertanian tidak menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara;
 - nisbah pembiayaan terjejas kasar menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Setakat tahun 2020, sejumlah RM889.05 juta (10,917 akaun) berstatus pembiayaan terjejas;
 - kadar pembiayaan terjejas produk Agrocash yang rendah memberi impak kepada prestasi keseluruhan pembiayaan terjejas Agrobank. Kadar pembiayaan terjejas produk Agrobank selain Agrocash adalah 6.4% hingga 11%; dan
 - sejumlah RM267.48 juta (8,257 akaun) dihapus kira bagi tahun 2018 hingga 2020.
- Kedudukan kewangan Agrobank dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dan berupaya membayar dividen kepada Kerajaan pada setiap tahun. Sumber dana pendeposit yang digunakan bagi tujuan pembiayaan telah menjana keuntungan 55.9% daripada keseluruhan pendapatan Agrobank pada tahun 2020 manakala sumber dana daripada geran dan pembiayaan Kerajaan telah digunakan mengikut tujuan.
- Amalan tadbir urus korporat Agrobank berada pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, aspek pelantikan Pengerusi dan PCEO; kehadiran wakil Kementerian dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang kurang daripada 75%; dan pematuhan kepada Manual Operasi Perolehan perlu ditambah baik.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memastikan tujuan pembiayaan bermandat yang jelas dalam pengukuran prestasi pembiayaan yang berkaitan dengan pertanian supaya pencapaian yang dilaporkan adalah lebih tepat dan selaras dengan objektif penubuhan Agrobank;
 - mengkaji dan menilai semula objektif dan tujuan pembiayaan peribadi dengan jelas supaya pembiayaan ini dapat

menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian secara keseluruhannya;

- menyelaraskan semula dasar MAFI dan Agrobank berhubung pembiayaan bagi pembelian tanah supaya dapat menyumbang kepada kelestarian sektor pertanian negara secara menyeluruh; dan
- meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik terutamanya aspek pelantikan Pengerusi dan PCEO; memastikan kehadiran wakil Kementerian dalam mesyuarat Lembaga Pengarah melebihi 75%; dan pematuhan kepada Manual Operasi Perolehan.

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

1. BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

FAKTA UTAMA

31.03.2008 Tarikh diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	RM1 bilion Modal berbayar setakat 31 Disember 2020	RM889.05 juta Jumlah pembiayaan terjejas sehingga tahun 2020 melibatkan 10,917 akaun pelanggan
RM1.531 bilion Keuntungan terkumpul sehingga 31 Disember 2020	RM13.354 bilion Jumlah baki pembiayaan keseluruhan setakat bulan September 2021	RM267.48 juta Jumlah hapus kira pembiayaan tahun 2018 hingga 2020 melibatkan 8,257 akaun pelanggan
Objektif penubuhan	Menyediakan modal/pembiayaan dalam membantu Kerajaan, swasta dan perseorangan; menyediakan kemudahan perbankan khususnya berkaitan sektor pertanian; serta menyimpan deposit pelanggan	
Aktiviti utama	Memberi pembiayaan kepada aktiviti yang berasaskan pertanian sekurang-kurangnya pada kadar minimum 70% dan menerima deposit serta simpanan daripada pelanggan	
Jenis syarikat	Syarikat berhad menurut syer	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Bank Pertanian Malaysia (BPM) ditubuhkan pada 1969 bagi membiayai projek pengairan untuk menampung penanaman padi dwimusim di Kedah dan Perlis. Pada 11 Jun 2004, BPM telah diwartakan sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM). Seterusnya pada 31 Mac 2008, selaras dengan kelulusan Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tahun 2007, BPM diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (kini Akta Syarikat 2016). Mulai 1 April 2008, BPM dikenali secara komersial sebagai Agrobank dan beroperasi sepenuhnya sebagai Institusi Perbankan Islam pada 1 Julai 2015.

1.2. Agrobank dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dengan modal berbayar RM1 bilion. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertanggungjawab mengawal selia dan menetapkan dasar pembiayaan Agrobank dalam sektor pertanian.

1.3. Mandat Agrobank berdasarkan Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [Akta 684] ialah menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian dengan mengukuhkan tanggungjawab sosio-ekonomi. Objektif penubuhan berdasarkan Perlembagaan Agrobank adalah membantu Kerajaan Persekutuan atau negeri,

perbandaran, syarikat, persatuan, perseorangan atau perkongsian dengan menyediakan modal atau pembiayaan. Agrobank juga ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan perbankan termasuk perbankan Islam di Malaysia dan di luar negara khususnya berkaitan sektor pertanian dan perniagaan berkaitan pertanian. Selaras dengan mandat yang diberikan, Agrobank melaksanakan aktiviti utamanya dengan menyediakan kemudahan pembiayaan berasaskan pertanian sekurang-kurangnya pada kadar minimum 70%. Selain itu, Agrobank menerima deposit dan simpanan daripada pelanggan.

1.4. Agrobank mempunyai 205 rangkaian¹ merangkumi lapan wilayah yang melibatkan 14 negeri. Setakat bulan September 2021, jumlah keseluruhan baki pembiayaan Agrobank ialah RM13.354 bilion melibatkan 247,989 akaun daripada pembiayaan yang telah diluluskan berjumlah RM58.4 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BAKI PEMBIAYAAN MENGIKUT WILAYAH AGROBANK DAN NEGERI
SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2021

WILAYAH AGROBANK	BIL. RANGKAIAN	NEGERI	BIL. AKAUN	JUMLAH TERKUMPUL DILULUSKAN (RM Juta)	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)
Wilayah 1	23	Melaka	6,640	4,752.49	601.00
		Johor	20,589	11,007.75	1,244.27
Wilayah 2	34	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9,413	6,943.05	1,396.45
		Selangor	30,385	4,780.44	1,820.11
		Negeri Sembilan	7,235	523.15	326.46
Wilayah 3	26	Perak	28,612	6,792.84	1,477.87
Wilayah 4	27	Kelantan	23,042	1,254.26	736.75
		Terengganu	15,704	2,835.40	513.86
Wilayah 5	22	Pahang	21,060	2,929.70	885.50
Wilayah 6	27	Pulau Pinang	12,471	5,723.49	667.81
		Kedah	24,310	3,883.31	1,050.38
		Perlis	5,421	255.08	115.91
Wilayah 7	21	Sabah	19,651	3,032.97	1,253.84
Wilayah 8	25	Sarawak	23,456	3,685.68	1,263.94
JUMLAH	205		247,989	58,399.61	13,354.15


Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

1.5. Agrobank adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618]; Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [Akta 684]; Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613].

¹ Merangkumi cawangan, perbankan agro, perbankan maya, pusat pembiayaan komersial, kiosk, sudut dan pusat agro.

1.6. Lembaga Pengarah Agrobank terdiri daripada 10 Pengarah bukan eksekutif iaitu lapan Pengarah berstatus bebas dan dua bukan bebas. Pengurusan Agrobank diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif yang dibantu oleh Timbalan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan 16 Ketua Bahagian/Ketua Jabatan. Empat Bahagian/Jabatan juga bertanggungjawab melaporkan terus kepada tiga jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah. Pengisian perjawatan adalah seramai 3,554 kakitangan (97.8%) daripada 3,635 jawatan. Struktur organisasi Agrobank pada bulan Disember 2021 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI AGROBANK PADA BULAN DISEMBER 2021



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, Agrobank

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan Agrobank melalui aktiviti pembiayaan berkaitan sektor pertanian yang dimandatkan oleh Kerajaan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama Agrobank iaitu menyediakan kemudahan pembiayaan berkaitan pertanian bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan September 2021. Aktiviti pembiayaan dipilih untuk diaudit bagi menilai pencapaian objektif penubuhan Agrobank seperti termaktub dalam Akta 684 dan selaras dengan polisi Agrobank yang menyasarkan sumbangan pembiayaan yang dimandatkan sekurang-kurangnya pada kadar minimum 70%.

3.2. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti pembiayaan. Prestasi aktiviti pembiayaan merangkumi aspek pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output meliputi aspek Petunjuk Prestasi Utama (KPI); prestasi pembiayaan dimandatkan; dan prestasi kewangan. Bagi pencapaian keberhasilan, penilaian dibuat berdasarkan peranan pembangunan dimandatkan; serta keberhasilan penggunaan dana pendeposit dan dana Kerajaan (pembiayaan dan geran). Pengurusan aktiviti pembiayaan pula menilai aspek pengesahan tujuan pembiayaan dan pengurusan pembiayaan terjejas.

3.3. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Agrobank yang terletak di Leboh Pasar Besar, Kuala Lumpur dan pejabat cawangan di tujuh negeri melibatkan enam wilayah Agrobank. Selain itu, lawatan fizikal telah dijalankan ke premis sampel pelanggan² terpilih bagi pengesahan tujuan pembiayaan. Pemilihan cawangan negeri dibuat berdasarkan jumlah baki pembiayaan tertinggi tahun 2020 mengikut wilayah iaitu Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Kelantan, Pahang dan Kedah. Secara keseluruhannya, 78 sampel pelanggan dipilih secara rawak berdasarkan status akaun (aktif dan terjejas), tujuan pembiayaan dan jumlah baki pembiayaan.

3.4. Selain itu, pengauditan melibatkan sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO); Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan KPI; Prosedur Operasi Standard; Jawatankuasa Audit; Audit Dalaman; serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Aspek pengurusan kewangan pula meliputi pengurusan perbelanjaan bagi bayaran elaun Lembaga Pengarah dan tuntutan PCEO. Analisis kedudukan kewangan turut dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2018, 2019 dan 2020.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan Agrobank serta menganalisis data pembiayaan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan fizikal dijalankan ke premis sampel pelanggan bagi mengesahkan aktiviti yang dibiayai adalah seperti dimandatkan. Penilaian kedudukan kewangan melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; trend aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta aliran tunai dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan Agrobank yang telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT.

² Individu dan syarikat yang menerima pembiayaan Agrobank.


5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan April hingga Disember 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada Agrobank, MKD dan MAFI telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 26 Januari 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti Pembiayaan

Berdasarkan kepada model perniagaan Agrobank dalam **Carta 2**, MOF melalui MKD merupakan pemegang saham utama Agrobank yang mempunyai kuasa untuk melantik Pengerusi dan Lembaga Pengarah, menentukan imbuhan kakitangan dan meluluskan semua keperluan pendanaan. MAFI berperanan menyelia prestasi mandat Agrobank dan menetapkan polisi dalam sektor pertanian (Seksyen 12, Akta 684). BNM pula sebagai pengawal selia yang memantau operasi dan aktiviti Agrobank agar sejajar dengan mandat Bank serta disokong oleh tadbir urus korporat dan amalan terbaik. BNM juga mengukur prestasi Agrobank berdasarkan Penyataan Kehendak Korporat dan Rancangan Perniagaan Tahunan. Dana bagi tujuan pembiayaan Agrobank diperoleh daripada sumber komersial dan konsesi. Sumber dana komersial ialah daripada pendeposit manakala sumber dana konsesi daripada pembiayaan dan geran Kerajaan.

**CARTA 2
MODEL PERNIAGAAN AGROBANK**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

- a. MOF telah menetapkan enam perspektif KPI kepada semua syarikat MKD bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 iaitu Kewangan; Proses Dalam Organisasi; Pelanggan; Pembangunan dan Pembelajaran; Persekitaran dan Masyarakat; serta Kepuasan Kakitangan. Penilaian KPI dilaksanakan mengikut indikator dan pengukuran khusus bagi setiap perspektif. Pencapaian KPI setiap perspektif dilaporkan secara suku tahun kepada Lembaga Pengarah dan MKD. Selain itu, syarikat MKD hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada KPI yang disasarkan.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, Agrobank telah mencapai KPI antara 93% hingga 98.6%. Pencapaian ini melebihi tahap minimum KPI yang ditetapkan oleh MKD. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN KPI KORPORAT AGROBANK BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

PERSPEKTIF KPI	2018			2019			2020		
	SS (%)	SB (%)	P (%)	SS (%)	SB (%)	P (%)	SS (%)	SB (%)	P (%)
Kewangan	55	55.2	100.4	40	33.6	84	40	36.4	91
Proses Dalam Organisasi	15	13.8	92	15	14.7	98	20	19.8	99
Pelanggan	10	9.5	95	25	25	100	20	19	95
Pembangunan dan Pembelajaran	5	4.9	98	5	4.8	96	5	5	100
Persekitaran dan Masyarakat	5	5.4	108	5	5	100	5	5	100
Kepuasan Kakitangan	10	9.8	98	10	9.9	99	10	9.6	96
PENCAPAIAN	100	98.6		100	93		100	94.8	

Sumber: Laporan Pencapaian KPI Agrobank Tahun 2018, 2019 dan 2020

Nota: SS - Sasaran SB - Sebenar P - Peratus Pencapaian

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati sasaran KPI bagi aktiviti pembiayaan dinilai daripada dua perspektif KPI iaitu Kewangan dan Pelanggan. Aktiviti pembiayaan di bawah perspektif KPI Kewangan dinilai berdasarkan tujuh indikator iaitu pertumbuhan pembiayaan; sumbangan terhadap pembiayaan dimandatkan; nisbah pembiayaan terjejas kasar; keuntungan operasi yang boleh dikekalkan/keuntungan sebelum cukai; nisbah pulangan ekuiti; nisbah kos pendapatan; dan nisbah modal berwajaran risiko. KPI Kewangan diberi wajaran yang paling tinggi iaitu 40% hingga 55% berbanding KPI yang lain.

- d. Bagi perspektif KPI Pelanggan pula, lima indikator dinilai iaitu kajian kepuasan pelanggan; kelulusan pembiayaan; penambahbaikan pelanggan (Pakej Rangsangan BNM); penambahbaikan pelanggan (PENJANA); dan penambahbaikan pelanggan (pengurusan pasca moratorium). Penambahbaikan pelanggan merupakan indikator baharu yang ditetapkan di bawah Perspektif Pelanggan pada tahun 2020 berdasarkan arahan MKD dan BNM.
- e. Semakan Audit mendapati Agrobank **tidak mencapai lima daripada 12 sasaran indikator KPI berkaitan aktiviti pembiayaan** bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Indikator yang tidak dicapai adalah pertumbuhan pembiayaan (2019); nisbah pembiayaan terjejas kasar (2018, 2019 dan 2020); nisbah pulangan ekuiti (2018); nisbah kos pendapatan (2019); dan penambahbaikan pelanggan berkaitan pengurusan pasca moratorium (2020). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN KPI AKTIVITI PEMBIAYAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
PERSPEKTIF : KEWANGAN					
1.	Pertumbuhan Pembiayaan (RM Juta)	2018	850	1,140.98	125
		2019	1,080	1,045.73	96.8
		2020	584.20	1,368.66	100
2.	Sumbangan Terhadap Pembiayaan Dimandatkan (%)	2018	>85	89.7	105.6
		2019	85	90.7	100
		2020	Indikator ini dikeluarkan kerana pencapaian telah melebihi 90%		
3.	Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar (%)	2018	4.0	4.1	98**
		2019	4.0	4.3	92.4**
		2020	5.6	6.7	83.6
4.	Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan ³ / Keuntungan Sebelum Cukai (RM Juta)	2018	169.86	212.74	125
		2019	192	205.42	100
		2020	25.70	40.33	100
5.	Nisbah Pulangan Ekuiti (%)	2018	8.5	7.3	86.8
		2019	Indikator ini dikeluarkan berdasarkan penetapan MKD		
		2020			
6.	Nisbah Kos Pendapatan (%)	2018	Indikator ini dikeluarkan berdasarkan penetapan MKD		
		2019			
		2020	62	63.9	97**
			67.3	62.3	100*

³ Pada tahun 2019 dan 2020 indikator ini telah ditukar kepada Keuntungan Sebelum Cukai.

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
7.	Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%)	2018	Tiada indikator berdasarkan penetapan MKD		
		2019	24.3	24.9	100
		2020	22.6	24.7	100
PERSPEKTIF : PELANGGAN					
8.	Kajian Kepuasan Pelanggan (%)	2018	73	83.6	114.5
		2019	75	79	100
		2020	78	81.3	100
9.	Kelulusan Pembiayaan bagi: - 2018: <i>Agropreneur Development Programme</i> (%) - 2019: Program Agroprenur Muda (%) - 2020: Program Sumber Rezeki Baru (RM Juta)	2018	30	32.3	107.7
		2019	25	45.7	100
		2020	50	81.4	100
10.	Penambahbaikan Pelanggan: Pakej Rangsangan BNM*** - Jumlah pengeluaran terhadap jumlah kelulusan (%)	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	80	79.3	99.1
11.	Penambahbaikan Pelanggan: PENJANA - Jumlah pengeluaran terhadap jumlah kelulusan (%)	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	80	82.2	100
12.	Penambahbaikan Pelanggan: Pengurusan Pasca Moratorium - Jumlah pembiayaan terjejas daripada jumlah pelanggan berisiko (%)	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	5	8.3	60.2**

Sumber: Laporan Pencapaian KPI Agrobank Tahun 2018, 2019 dan 2020

Nota: (*) - KPI dicapai apabila pencapaian kurang daripada sasaran. Pencapaian maksima dihadkan pada 100%.

(**) - KPI tidak mencapai sasaran apabila pencapaian melebihi sasaran. Pencapaian = sasaran/sebenar seperti dipersetujui MKD.

(***) - Merangkumi *Special Relief Facility (SRF)*, *Agrofood Facility (AF)*, *All Economic Sectors Facility (AES)*, *Micro Enterprises Facility (ME)* dan *Automation & Digitalisation Facility (ADF)*.

- f. Semakan Audit mendapati sasaran pertumbuhan pembiayaan keseluruhan telah dicapai pada tahun 2018 (125%) dan 2020 (100%). Namun, pencapaian 96.8% pada 2019 disumbangkan oleh segmen korporat, komersial dan Ar-Rahnu manakala segmen yang tidak mencapai sasaran ialah mikro kredit (32.8%), Hartani (87.3%) dan Agrocash (95.9%).
- g. Semakan selanjutnya mendapati Agrobank tidak mencapai sasaran indikator nisbah pembiayaan terjejas kasar bagi tahun 2018, 2019 dan 2020. Sasaran yang tidak dicapai pada tahun 2018 dan 2019 disebabkan pembiayaan terjejas semakin meningkat melibatkan enam pelanggan utama berjumlah RM81.78 juta serta peningkatan dalam sektor perdagangan borong dan runcit, tanaman, ternakan, pembinaan dan perkhidmatan. Indikator nisbah pulangan

ekuiti dan nisbah kos pendapatan pula tidak mencapai sasaran pada tahun 2018 dan 2019 kesan daripada jumlah pendapatan sebelum cukai yang rendah.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, Agrobank telah mencapai KPI minimum 80% bagi setiap perspektif yang ditetapkan oleh MKD bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020.

5.1.1.2. Prestasi Pembiayaan Dimandatkan

- a. Polisi mengenai Aktiviti Mandat Agrobank menetapkan sasaran sumbangan dalam pembiayaan dimandatkan perlu dikekalkan sekurang-kurangnya pada kadar minimum 70% baki pembiayaan. Pekeliling Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Bil. 58/13 dikeluarkan bagi menjelaskan definisi peranan yang dimandatkan seperti diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Risiko Kredit pada 22 Februari 2013. Peranan yang dimandatkan ditakrifkan sebagai perniagaan yang merangkumi aktiviti berikut:
- semua aktiviti pertanian merangkumi keseluruhan rangkaian nilai dari pengeluaran, pemprosesan, pemasaran sehingga pengedaran; atau
 - aktiviti hulu yang menyumbang kepada aktiviti pengeluaran dan pemprosesan pertanian; atau
 - aktiviti bukan pertanian dalam kawasan yang telah digazet sebagai kawasan pertanian dan memberi manfaat khususnya kepada komuniti pertanian; atau
 - kredit pengguna yang diberikan kepada komuniti pertanian bagi tujuan menaik taraf kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti.
- b. Pembiayaan dimandatkan terdiri daripada pembiayaan dalam sektor pertanian primer, pemprosesan berasaskan tani dan sokongan. Sektor sokongan antaranya meliputi projek yang melibatkan bahan sampingan pertanian serta projek perkhidmatan, pembangunan dan pembinaan infrastruktur berkaitan pertanian.
- c. Semakan Audit mendapati pada tahun 2018 dan 2019, Agrobank telah mencapai sasaran KPI sumbangan terhadap pembiayaan dimandatkan. Namun bagi tahun 2020 dan 2021, Agrobank tidak lagi menetapkan sasaran ini sebagai indikator KPI. Perkara ini disebabkan pencapaian KPI tersebut telah melebihi 90% pada setiap tahun.

- d. Secara keseluruhannya, jumlah baki pembiayaan dimandatkan bagi tempoh 2018 hingga bulan September 2021 ialah antara RM9.592 bilion (89.7%) hingga RM12.199 bilion (91.4%) manakala bukan dimandatkan antara 8.6% hingga 10.3%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAKI PEMBIAYAAN DIMANDATKAN DAN BUKAN DIMANDATKAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2018 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2021

SEKTOR/BAKI PEMBIAYAAN	2018		2019		2020		SEPTEMBER 2021	
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Dimandatkan (A)	9,592.33	89.7	10,650.32	90.7	11,870.69	90.5	12,199.56	91.4
Pertanian Primer								
- Tanaman	4,929.71		5,197.83		5,649.15		5,687.77	
- Perikanan	439.35	58.7	587.72	57.4	663.22	56.2	654.01	55.2
- Ternakan	905.12		951.41		1,032.51		1,014.59	
- Perhutanan	7.13		7.94		19.02		18.07	
Pemprosesan berasaskan tani	918.13	8.6	1,108.71	9.5	1,238.89	9.4	1,206.47	9.1
Sokongan	2,392.89	22.4	2,796.71	23.8	3,267.90	24.9	3,618.65	27.1
Bukan Dimandatkan (B)	1,107.71	10.3	1,095.44	9.3	1,243.74	9.5	1,154.59	8.6
JUMLAH (A+B)	10,700.04	100	11,745.76	100	13,114.43	100	13,354.15	100

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- e. Analisis Audit seterusnya mendapati **pembiayaan terhadap sektor pertanian primer menyumbang antara 55.2% hingga 58.7%. Pembiayaan kepada sektor pemprosesan, sokongan dan bukan dimandatkan pula antara 41.3% hingga 44.8%.**

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 31 Januari 2022

Kekurangan pencapaian sektor pertanian primer berbanding keseluruhan pembiayaan pada dasarnya dipengaruhi oleh faktor perubahan dalam sektor pertanian yang mula memberikan tumpuan kepada sektor hiliran seperti pemprosesan, pemasaran dan pengedaran produk asas tani. Perkara ini turut ditekankan oleh MAFI yang ingin melihat para petani dan usahawan tani memperbagaikan usaha serta sumber pendapatan mereka. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyokong perkembangan sektor pertanian primer di mana berlakunya peningkatan permintaan serta kedudukan harga yang stabil untuk pengeluaran hasil pertanian primer.

Pada masa ini, Agrobank sedang memperkukuhkan struktur organisasi melalui penubuhan Bahagian Perbankan Pembangunan pada Oktober 2021 yang memberikan tumpuan khusus kepada sektor pertanian primer serta pembangunan

komuniti pertanian. Agrobank juga menetapkan sasaran pembiayaan pertanian primer dalam Pelan Strategik tahun 2021 hingga 2025 dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun mencecah 10.3% setiap tahun.

- f. Analisis selanjutnya terhadap perincian bagi jenis pembiayaan dimandatkan mendapati **Tawarruq Agrocash-i merupakan penyumbang pembiayaan tertinggi dimandatkan iaitu antara 27.8% (RM2.664 bilion) hingga 34.5% (RM4.204 bilion)**. Pembiayaan Tawarruq Project (Normal) pula kedua tertinggi iaitu 16.1% hingga 19.8%. Butiran jenis pembiayaan dimandatkan bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan September 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
JENIS PEMBIAYAAN DIMANDATKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2021

JENIS/BAKI PEMBIAYAAN	2018		2019		2020		SEPTEMBER 2021	
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Tawarruq Agrocash-i	2,663.75	27.8	3,265.10	30.7	3,969.43	33.4	4,203.72	34.5
Tawarruq Project (Normal)	1,544.41	16.1	2,064.35	19.4	2,345.07	19.8	2,403.81	19.7
Murabahah Working Capital Financing-i	954.10	9.9	1,188.84	11.2	969.58	8.2	990.35	8.1
Tawarruq Hartani	484.60	5.1	546.70	5.1	596.13	5	627.28	5.1
Special Relief Facility	9.81	0.1	5.97	0.1	347.73	2.9	597.08	4.9
Bai Al-Innah	882.16	9.2	729.87	6.9	654.00	5.5	588.74	4.8
Tawarruq 3F (Specific)	270.54	2.8	408.59	3.8	543.42	4.6	554.95	4.6
BBA Project (Normal)	1,106.52	11.5	801.09	7.5	670.33	5.6	545.44	4.5
Term Financing	24.25	0.3	40.80	0.4	402.99	3.4	281.68	2.3
Agro Cashline-i	249.03	2.6	283.55	2.7	251.08	2.1	255.62	2.1
WCF Tawarruq Purchase Financing	257.33	2.7	238.09	2.2	177.74	1.5	187.59	1.5
Tawarruq MUST-i	177.92	1.9	194.88	1.8	180.71	1.5	159.88	1.3
Agro Makanan-Penjana	-	-	-	-	22.38	0.2	89.87	0.7
Lain-lain	967.91	10.0	882.49	8.2	740.10	6.3	713.55	5.9
JUMLAH	9,592.33	100	10,650.32	100	11,870.69	100	12,199.56	100

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- g. Analisis Audit ini mendapati bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan September 2021, **pembiayaan dimandatkan Agrobank adalah tertumpu kepada pembiayaan Agrocash**. Penemuan Audit selanjutnya adalah seperti berikut:

- i. Polisi Pembiayaan Tawarruq Agrocash-i menyatakan kemudahan pembiayaan ini adalah bertujuan kepenggunaan terutama yang berkaitan dengan aktiviti pertanian dan asas tani. Pembiayaan ini ditawarkan kepada kakitangan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan dengan maksimum pembiayaan berjumlah RM200,000 atau ke atas tertakluk kepada had kuasa melulus kredit semasa Agrobank. Bayaran balik pembiayaan ini hendaklah dibuat melalui potongan Biro Perkhidmatan Angkasa.
- ii. Polisi mengenai Aktiviti Mandat Agrobank pula menetapkan portfolio pembiayaan peribadi sebagai pembiayaan dimandatkan sekiranya memenuhi objektif iaitu tujuan pertanian; atau lokasi pelanggan/tapak projek diwartakan di kawasan pembangunan pertanian; atau pelanggan di bawah agenda tanggungjawab sosial negara; atau pelanggan bekerja dengan agensi pembangunan pertanian/swasta yang terlibat dengan aktiviti pertanian.
- iii. Panduan Mengenal Pasti Kod Sektor Berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 Agrobank menyatakan tujuh pengkelasan tujuan pembiayaan Agrocash seperti dalam **Jadual 6**. Tujuan pembiayaan dengan “aktiviti isi rumah sebagai majikan”⁴ adalah ditetapkan sebagai kegunaan peribadi. Analisis Audit terhadap tujuan pembiayaan Agrocash setakat bulan September 2021 mendapati **RM3.791 bilion (55.6%) pembiayaan Agrocash diluluskan di bawah tujuan “aktiviti isi rumah sebagai majikan”**. Sejumlah RM2.846 bilion (41.8%) pembiayaan pula diluluskan bagi tujuan pertanian, perhutanan dan perikanan. Analisis ini menunjukkan **pembiayaan Agrocash adalah tertumpu kepada kegunaan peribadi**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

⁴ Aktiviti mengeluarkan barangan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri.

JADUAL 6
ANALISIS PENGKELASAN TUJUAN PEMBIAYAAN AGROCASH
SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	PENKELASAN TUJUAN PEMBIAYAAN	BIL. AKAUN	JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM Juta)	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)	%
1.	Aktiviti isi rumah sebagai majikan	66,116	3,791.23	2,994.11	55.6
2.	Pertanian, perhutanan dan perikanan	48,054	2,845.58	2,203.73	41.8
3.	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,013	134.03	105.61	2.0
4.	Pendidikan	363	22.46	16.38	0.3
5.	Pembuatan	337	16.92	8.94	0.2
6.	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	89	4.28	3.04	0.1
7.	Pembinaan	10	0.95	0.61	0.0
JUMLAH		116,982	6,815.45	5,332.42	100

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- iv. Analisis selanjutnya terhadap data pembiayaan Agrocash melebihi RM200,000 (akaun aktif) untuk kegunaan peribadi mendapati lima akaun berjumlah RM1.10 juta telah diluluskan setakat bulan September 2021. Semakan Audit mendapati kesemua akaun ini telah diluluskan oleh *Regional Credit Manager/Head Credit* mengikut had kuasa melulus kredit yang ditetapkan.
- v. Semakan selanjutnya mendapati borang permohonan bagi lima pelanggan berkenaan menyatakan tujuan pembiayaan adalah bagi kegunaan peribadi dan pembiayaan semula bank lain. Hanya satu pelanggan menyatakan bagi tujuan penternakan ikan. Butiran semakan Audit adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BUTIRAN TUJUAN PEMBIAYAAN AGROCASH

NO. AKAUN	TARIKH KELULUSAN	JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM)	PELULUS	TUJUAN PEMBIAYAAN MENGIKUT AKUAN PELANGGAN
49991000939300000	05.08.2016	213,000	<i>Regional Credit Manager</i>	Peribadi
49991001688800000	05.10.2016	216,000	<i>Regional Credit Manager</i>	Penyelesaian hutang sedia ada dan keperluan lain
49991001692600000	28.10.2016	210,000	<i>Regional Credit Manager</i>	Ternakan ikan/menyelesaikan pembiayaan peribadi Bank Rakyat
49991001762000000	08.11.2016	235,000	<i>Regional Credit Manager</i>	Pembiayaan semula bank dan kegunaan peribadi
45371043635100000	23.11.2017	224,000	<i>Head Credit</i>	Tidak dinyatakan. Laporan untuk kelulusan menyatakan tujuan pembelian tanah
JUMLAH		1,098,000		

Sumber: Borang Permohonan Agrocash dan Dokumen Kelulusan

- vi. Sehubungan itu, pengiraan jumlah pembiayaan Agrocash bagi kegunaan peribadi sebagai pembiayaan dimandatkan adalah **tidak menggambarkan keseluruhan prestasi pembiayaan dimandatkan Agrobank berkaitan pertanian**. Keadaan ini menyebabkan pencapaian sebenar pembiayaan dimandatkan oleh Agrobank melebihi 89% bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan September 2021 adalah mengambil kira pembiayaan bagi kegunaan peribadi. Selain itu, *Master Credit Policy* tidak menetapkan pegawai Agrobank untuk menjalankan lawatan tapak bagi pembiayaan Agrocash untuk pengesahan tujuan pembiayaan. Keadaan ini menyebabkan tujuan pembiayaan dimandatkan tidak dapat ditentukan.

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 31 Januari 2022

Produk Agrocash adalah pembiayaan peribadi yang diluluskan oleh BNM pada 5 September 2014 dan pelaksanaan produk ini adalah masih berasaskan kepada Seksyen 10(1)(f) Akta 684. BNM tidak menetapkan sebarang syarat khusus untuk produk ini ditawarkan hanya untuk tujuan pertanian. Bagaimanapun, Agrobank telah menstrukturkan kemudahan pembiayaan peribadi ini untuk tujuan aktiviti yang dimandat atau bukan dimandatkan bagi menambah baik fokus pembiayaan.

Pada tahun 2021, permohonan baharu pembiayaan bagi produk selain Agrocash berkurang kepada 1,573 (6,251 pada tahun 2020) disebabkan fasa Perintah Kawalan Pergerakan. Agrobank juga giat menjalankan aktiviti penyusunan semula

fasiliti pembiayaan bagi pelanggan sedia ada selain memberi bantuan pembiayaan melalui program PENJANA dan PEMULIH.

Agrobank mengguna pakai konsep *cross-subsidization* untuk memastikan Agrobank dapat memberikan kadar pembiayaan yang dimandatkan dengan berpatutan terutamanya kepada golongan sasaran dan industri strategik yang ditetapkan oleh MAFI dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0. Sehubungan itu, Agrobank perlu mencatat pertumbuhan portfolio Agrocash yang lebih tinggi bagi mengekalkan atau meningkatkan keuntungan untuk menanggung kos peruntukan rosot nilai kredit pembiayaan yang dimandatkan.

Agrobank akan memperkemaskan pengurusan pembiayaan Agrocash supaya pencapaian pembiayaan bermandat daripada Agrocash adalah jelas serta mengkaji dan memasukkan tujuan sebenar pembiayaan peribadi dalam borang permohonan dan seterusnya dalam sistem Bank. Antara tindakan penambahbaikan yang akan diambil adalah seperti berikut:

- i. menilai saiz portfolio Agrocash secara berkala untuk memastikan tumpuan kepada pembiayaan ini adalah wajar dan mencapai tujuan sebenarnya iaitu untuk mendapatkan keuntungan bagi membiayai kos pembiayaan yang dimandatkan;
- ii. menetapkan *Portfolio Cap* untuk memastikan kadar pertumbuhan portfolio Agrocash adalah sepadan dengan pertumbuhan portfolio pembiayaan yang dimandatkan;
- iii. meneliti semula skop produk Agrocash dan mengkaji kesesuaian untuk memperkenalkan produk pembiayaan peribadi yang baharu, khusus untuk membantu golongan sasaran mendapatkan akses kepada kredit; dan
- iv. menambah baik polisi kawalan untuk memastikan produk pembiayaan peribadi menepati tujuan yang dikehendaki.

Pendapat Audit	Pembiayaan Agrocash bagi kegunaan peribadi tidak sewajarnya diambil kira dalam penentuan prestasi pembiayaan dimandatkan. Selain itu, prestasi sebenar pembiayaan bermandat tidak dapat ditentukan kerana tiada pengesahan tujuan sebenar pembiayaan peribadi oleh Agrobank.
-----------------------	---

5.1.1.3. Prestasi Kewangan


- a. Pendapatan utama Agrobank terdiri daripada keuntungan pembiayaan dan pendapatan kewangan. Agrobank merekodkan trend peningkatan dan penurunan jumlah pendapatan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Pada tahun 2020, keuntungan pembiayaan dan pendapatan kewangan mengalami penurunan berikutan pandemik Covid-19. Pada tahun 2019, Agrobank merekodkan peningkatan keuntungan pembiayaan dan pendapatan pelaburan sejumlah RM73.64 juta (11.7%). Hal ini selaras dengan pendapatan diterima daripada peningkatan portfolio pembiayaan serta penambahan deposit dengan bank dan institusi kewangan lain pada tahun 2019.
- b. Jumlah perbelanjaan pula menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh yang sama. Agrobank mencatatkan peningkatan jumlah perbelanjaan tahunan iaitu masing-masing sejumlah RM48.77 juta (6.4%) dan RM90.29 juta (11.2%) berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan belanja operasi masing-masing berjumlah RM45.92 juta (2019) dan RM89.37 juta (2020).
- c. Agrobank telah merekodkan keuntungan sebelum zakat dan cukai bagi tempoh berkenaan. Keuntungan yang dicatat pada tahun 2019 adalah meningkat sejumlah RM15.17 juta (8%) dari tahun 2018 manakala merosot dengan ketara sejumlah RM165.09 juta (80.4%) pada tahun 2020. Keadaan ini berikutan peningkatan peruntukan rosot nilai daripada RM26.02 juta pada tahun 2019 kepada RM208.40 juta akibat pandemik Covid-19. Keuntungan bagi tempoh tiga tahun ini menyumbang kepada peningkatan keuntungan terkumpul kepada sejumlah RM1.531 bilion pada akhir tahun 2020.
- d. Prestasi kewangan yang baik membolehkan Agrobank mengisytiharkan dividen antara RM20 juta hingga RM30 juta pada setiap tahun. Prestasi ini disumbangkan antaranya oleh keuntungan pembiayaan produk Agrocash yang merupakan pembiayaan tertinggi. Trend pendapatan dan perbelanjaan; keuntungan sebelum zakat dan cukai; keuntungan terkumpul; serta aset dan liabiliti bagi tempoh tiga tahun adalah seperti dalam **Jadual 8, Carta 3 dan Carta 4.**

JADUAL 8
KEDUDUKAN KEWANGAN AGROBANK BAGI TAHUN 2018, 2019 DAN 2020


BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Pendapatan Operasi			
- Keuntungan pembiayaan	626.89	683.46	665.82
- Pendapatan kewangan	210.30	192.98	158.15
- Pendapatan fi	91.32	100.18	85.91
- Pendapatan pelaburan	4.75	21.82	17.90
Pendapatan Operasi Lain	13.62	12.38	8.24
JUMLAH PENDAPATAN	946.88	1,010.82	936.02
Perbelanjaan Operasi			
- Agihan pendapatan kepada pendeposit	(281.15)	(297.35)	(236.20)
- Peruntukan rosot nilai	(24.05)	(26.02)	(208.40)
- Kos kakitangan	(282.52)	(307.63)	(266.59)
- Kos overhead dan belanja lain	(158.72)	(161.36)	(170.53)
Kos Kewangan	(10.11)	(12.25)	(13.97)
Perbelanjaan Lain	(0.08)	(0.79)	-
JUMLAH PERBELANJAAN	(756.63)	(805.40)	(895.69)
KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI	190.25	205.42	40.33
Zakat	(4.76)	(5.14)	(2.92)
Cukai	(51.51)	(51.80)	(9.54)
KEUNTUNGAN SELEPAS ZAKAT DAN CUKAI	133.98	148.48	27.87
Dividen Dibayar	(25.50)	(20.00)	(30.00)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	1,404.38	1,532.87	1,530.73
JUMLAH ASET	16,244.86	16,887.23	18,187.59
JUMLAH LIABILITI	13,322.48	13,747.13	14,996.42
JUMLAH EKUITI	2,922.38	3,140.10	3,191.17

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2018, 2019 dan 2020

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2018, 2019 DAN 2020



CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI SERTA KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2018, 2019 DAN 2020



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2018, 2019 dan 2020

- e. Analisis Audit mendapati Agrobank mempunyai sumber yang mencukupi dan mampu menampung obligasinya pada masa yang diperlukan. Jumlah aset adalah melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 iaitu masing-masing berjumlah RM2.922 bilion (18%), RM3.14 bilion (18.6%) dan RM3.191 bilion (17.5%). Tahap kecairan dalam tempoh berkenaan adalah pada kadar 1.5 menunjukkan Agrobank mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya.
- f. Jumlah aset pada tahun 2020 telah mengalami peningkatan RM1.3 bilion (7.7%) kepada RM18.188 bilion dari tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar dalam pembiayaan adalah daripada sektor tanaman, perdagangan runcit dan pemborong dan pembuatan, masing-masing meningkat sebanyak RM320.8 juta, RM224.4 juta dan RM104.7 juta. Deposit daripada pelanggan pula telah meningkat sejumlah RM1.5 bilion (19.7%) kepada RM9.1 bilion daripada RM7.6 bilion pada tahun 2019. Menurut Agrobank, peningkatan berlaku setelah moratorium automatik diberikan oleh Kerajaan dan kemasukan dana bantuan Kerajaan telah meningkatkan kecairan dalam pasaran kewangan negara.

Pendapat Audit | **Keuntungan sebelum zakat dan cukai dan kedudukan aset melebihi liabiliti yang dicatat oleh Agrobank menyumbang kepada prestasi kewangan Agrobank yang stabil bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Peranan Pembangunan Dimandatkan

- a. Penubuhan Agrobank oleh Kerajaan adalah menyediakan kemudahan pembiayaan dengan tumpuan kepada sektor pertanian berpandukan dasar yang ditetapkan oleh MAFI. Selain itu, mandat Agrobank seperti yang termaktub dalam Seksyen 10 (1) dan 11 Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [Akta 648] adalah untuk menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian dengan mengukuhkan tanggungjawab sosio-ekonomi.
- b. Agrobank menetapkan pengukuran peranan pembangunan dimandatkan secara dalaman bagi tahun 2018 berdasarkan empat indikator iaitu sumbangan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera; sumbangan pembiayaan kepada perusahaan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana

(SME); rangkuman kewangan; dan perkhidmatan nilai tambah. Namun pada tahun 2019 dan 2020, hanya dua indikator ditetapkan sebagai pencapaian mandat iaitu rangkuman kewangan; dan perkhidmatan nilai tambah.

- c. Semakan Audit mendapati Agrobank mencapai sasaran mandat bagi sumbangan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera serta mikro dan SME pada tahun 2018; dan perkhidmatan nilai tambah bagi tempoh 2018 hingga 2020. Pada tahun 2019 dan 2020, tiada sasaran ditetapkan bagi sumbangan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera serta mikro dan SME. Bagaimanapun, Agrobank masih memantau sumbangan pencapaian pada tahun berkenaan.
- d. Sasaran rangkuman kewangan (bilangan ejen perbankan baharu) pula tidak dapat dicapai bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Berdasarkan maklum balas Agrobank, kebanyakan ejen telah mengubah dan menyemak semula modal perniagaan mereka dan menangguhkan pelantikan ejen baharu sehingga tahun berikutnya. Butiran lanjut pencapaian mandat bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN DIMANDATKAN
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

OBJEKTIF	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
Menyediakan penyelesaian pembiayaan yang bersesuaian untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi Bumiputera	Sumbangan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera (%)	2018	88.8	89.3	100.6
		2019	*	87.5	-
		2020	*	84.6	-
Menyokong usahawan dan pertumbuhan perniagaan perusahaan mikro dan SME	Sumbangan pembiayaan kepada perusahaan mikro dan SME (RM Billion)	2018	3.896	4.055	104.1
		2019	*	4.416	-
		2020	*	4.453	-
Menyediakan perkhidmatan kewangan yang berpatutan di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan Bank	Rangkuman kewangan (bilangan ejen perbankan baharu)	2018	300	226	75.3
		2019	300	207	69
		2020	300	172	57.3
Membantu usahawan tani mencapai matlamat keusahawanan mereka dan mendukung mereka untuk membina perniagaan yang kukuh sehingga berjaya	Perkhidmatan nilai tambah (bilangan peserta)	2018	500	610	122
		2019	1,000	1,485	148.5
		2020	1,600	1,606	100.4

Sumber: Laporan Tahunan Agrobank Tahun 2018 dan 2019 serta Bahagian Kewangan, Agrobank

Nota: (*) - Tiada sasaran yang ditetapkan

- e. Pertanian merupakan antara sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 6.8% hingga 7.3% bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Bagi mengukuhkan industri pertanian negara, Kerajaan telah memberi mandat kepada Agrobank untuk membangunkan sektor pertanian dan seterusnya membawa perubahan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan mandat yang diberikan, aktiviti utama Agrobank adalah memberi pembiayaan kepada aktiviti yang berasaskan pertanian sekurang-kurangnya 70%.
- f. Semakan Audit mendapati **Agrobank tidak menetapkan sasaran sumbangan pembiayaan secara khusus kepada pembangunan sektor pertanian negara bagi mengukur pencapaian keberhasilan aktiviti pembiayaannya secara menyeluruh.**
- g. Semakan selanjutnya mendapati Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Agrobank telah meluluskan Kerangka Pengurusan bagi Peranan Agrobank dalam Pembangunan Sektor Pertanian pada 25 November 2019. Kerangka ini disediakan selaras dengan *Performance Measurement for DFIs, a new Performance Measurement Framework (PMF)* yang dikeluarkan oleh BNM antaranya bertujuan memfokuskan DFI ke arah penyampaian keberhasilan sosio-ekonomi.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 28 Januari 2022

Agrobank telah menetapkan empat sasaran keberhasilan program Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian (DPUP) pada RMKe-11 untuk pembiayaan di bawah *Fund for Food*. Empat sasaran keberhasilan ialah 50% sasaran peningkatan jualan pengusaha; 50% sasaran peningkatan keuntungan pengusaha; penambahan pekerja dalam perniagaan seramai dua orang; dan membangunkan tanah terbiar seluas 100 ekar.

Jawatankuasa Penilaian Keberhasilan mendapati Agrobank telah mencapai melebihi sasaran output dan keberhasilan yang telah ditetapkan bagi pelaksanaan program DPUP. Secara keseluruhannya, pelaksanaan ini berjaya memberikan impak positif kepada pembangunan sektor pertanian khususnya tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur dengan meningkatkan bekalan makanan negara selaras dengan matlamat *Self Sufficiency* negara. Selain itu, program ini telah memacu pembangunan luar bandar dan mengurangkan defisit perdagangan bagi sektor pertanian.

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 31 Januari 2022

Agrobank akan memasukkan indikator sumbangan kepada usahawan Bumiputera, mikro dan SME dalam *Key Development Impact Indicator* (KDIIIs) untuk tahun 2022. KDIIIs ini adalah sebahagian daripada KPI tahunan korporat dengan wajar sebanyak 25% daripada prestasi keseluruhan. Agrobank juga akan mengambil kira sasaran jumlah pembiayaan yang dimandatkan sebagai nisbah kepada KDNK pertanian dalam KDIIIs untuk tahun 2022.

5.1.2.2. Keberhasilan Penggunaan Dana

Pencapaian keberhasilan pembiayaan Agrobank juga dinilai berdasarkan kepada penggunaan dana pembiayaan daripada sumber deposit pelanggan, pembiayaan dan geran Kerajaan yang diterima seperti perenggan berikutnya:

a. Dana Pendeposit

- i. Sumber dana pembiayaan komersial diperoleh daripada deposit pelanggan. Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, Agrobank mempunyai deposit pelanggan berjumlah RM11.695 bilion (64.4%) yang melibatkan 1.64 juta akaun pendeposit daripada RM18.163 bilion⁵ dana keseluruhan Agrobank. Pendeposit utama terdiri daripada Kerajaan (jabatan dan agensi), individu dan perniagaan domestik.
- ii. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, deposit pelanggan tertinggi diperoleh daripada Kerajaan mencapai antara 35.1% (RM3.807 bilion) hingga 40.4% (RM4.286 bilion) daripada keseluruhan jumlah deposit. Lima pendeposit Kerajaan tertinggi adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

⁵ Terdiri daripada deposit pelanggan, dana geran dan pembiayaan Kerajaan, dana pemegang saham dan liabiliti lain.

JADUAL 10
PENDEPOSIT BAGI SUMBER DANA PEMBIAYAAN
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

PENDEPOSIT	2018		2019		2020	
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Kerajaan	4,285.56	40.4	3,806.52	35.1	4,514.69	38.6
Individu	3,043.42	28.7	3,059.47	28.2	3,554.86	30.4
<i>Domestic Business Enterprise</i>	2,296.37	21.6	2,581.14	23.8	2,080.39	17.8
<i>Domestic non-Banking Institutions</i>	194.56	1.8	458.64	4.3	478.11	4.1
Lain-lain	790.58	7.5	932.04	8.6	1,067.30	9.1
JUMLAH	10,610.49	100	10,837.81	100	11,695.35	100

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2018, 2019 dan 2020

- iii. Semakan Audit mendapati dana pendeposit digunakan bagi pembiayaan komersial dengan baki pembiayaan berjumlah RM11.432 bilion setakat tahun 2020. Antara produk yang dibiayai menggunakan sumber dana ini ialah Agrocash, *Project Financing*, Hartani dan Ar-Rahnu. Berdasarkan penyata kewangan beraudit, Agrobank telah menjana keuntungan pembiayaan daripada dana pendeposit. Jumlah keuntungan ialah RM523.09 juta (55.9%) pada tahun 2020, RM529.92 juta (52.4%) tahun 2019 dan RM491.52 juta (51.9%) tahun 2018 daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Selain itu, pelaburan deposit dibuat dalam deposit tetap dan pengurusan Ar-Rahnu.

b. Pembiayaan Kerajaan

- i. Sumber dana konsesi adalah daripada pembiayaan Kerajaan iaitu MOF dan BNM. Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, Agrobank mempunyai baki pembiayaan Kerajaan berjumlah RM2.442 bilion (13.4%) daripada sejumlah RM18.163 bilion dana keseluruhan Agrobank. Penggunaan dana Kerajaan ini membolehkan Agrobank menjana keuntungan pembiayaan berjumlah RM142.73 juta (15.2%) pada tahun 2020, RM153.54 juta (15.2%) tahun 2019 dan RM135.37 juta (14.3%) tahun 2018 daripada keseluruhan jumlah pendapatan.
- ii. Pada tahun 2020, Agrobank mempunyai sembilan pembiayaan daripada MOF iaitu Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian (DPUP1 hingga DPUP7), Dana Pembiayaan Komersial (DPK3) dan Skim Tanam Semula Kelapa Sawit (TASKS) dengan baki pembiayaan berjumlah RM1.575 bilion (8.7%). Lapan skim pembiayaan yang menggunakan DPUP ialah *Fund for Food* (3F), Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian

Bumiputera (MPPB), Skim Industri Kecil dan Sederhana (TIKS/PKS), Skim Kredit Pengeluaran Makanan (SKPM), Skim Kredit Pembangunan Pertanian Bukan Makanan (SKPBM), Skim Pembiayaan Bot Perikanan (SPBP), Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (SUTKS) dan Skim Kredit Padi (SKP).

- iii. Selain itu, baki pembiayaan dengan BNM pada tahun 2020 adalah berjumlah RM867.32 juta (4.8%) antaranya pembiayaan bagi *Special Relief Facility* dan *Fund for Food*. Kadar keuntungan ke atas pembiayaan yang dikenakan oleh MOF dan BNM adalah antara 0% hingga 4.0% dengan tempoh pembiayaan 10 hingga 20 tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
SUMBER DANA PEMBIAYAAN KERAJAAN PADA TAHUN 2020

SUMBER	BUTIRAN/SKIM	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)
Kementerian Kewangan	DPUP 1 hingga DPUP 7	1,354.81
	Dana Pembiayaan Komersial (DPK3)	213.75
	Skim Tanam Semula Kelapa Sawit (TASKS)	6.00
Jumlah		1,574.56
Bank Negara Malaysia	<i>Fund for Food</i> (3F)	445.08
	<i>Special Relief Facility</i> (SRF2020)	334.79
	<i>Micro Enterprises Facility</i> (MEF)	58.19
	Tabung Industri Kecil & Sederhana (TIKS)	25.64
	<i>Disaster Relief Facility</i> (DRF2017)	3.62
Jumlah		867.32
JUMLAH KESELURUHAN		2,441.88

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- iv. Semakan Audit mendapati setakat bulan September 2021, jumlah komited iaitu pembiayaan yang telah lulus (belum disalurkan) ialah RM3.563 bilion (90.1%) berbanding pembiayaan diterima RM3.955 bilion. Baki belum bayar kepada Kerajaan pula berjumlah RM3.286 bilion meliputi jumlah pokok dan keuntungan. Agrobank telah membuat bayaran kepada Kerajaan mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan berjumlah RM783.70 juta.
- v. Semakan selanjutnya mendapati Agrobank telah menggunakan 95% dana pembiayaan daripada MOF dan BNM untuk memberi pembiayaan kepada pelanggan yang disasarkan. Dana sedia ada untuk pembiayaan setakat bulan September 2021 adalah berjumlah RM196.96 juta (4.9%)

berbanding RM3.955 bilion pembiayaan yang diterima. Butiran pembiayaan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
DANA PEMBIAYAAN KERAJAAN SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	SKIM PEMBIAYAAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM Juta)	JUMLAH PERLU DIBAYAR KEPADA KERAJAAN (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIBAYAR KEPADA KERAJAAN (RM Juta)	BAKI BELUM BAYAR KEPADA KERAJAAN (RM Juta)	JUMLAH KOMITED* (RM Juta)	DANA SEDIA ADA UNTUK PEMBIAYAAN (RM Juta)
KEMENTERIAN KEWANGAN							
1.	Tanam Semula Kelapa Sawit (TASKS)	15.00	15.00	9.00	6.00	-	-
2.	Dana Pembiayaan Komersial (DPK3)	300.00	311.25	-	304.76	268.07	31.93
3.	DPUP1	1,283.11	1,348.33	282.49	1,052.91	1,113.44	-
4.	DPUP2	150.00	157.62	25.71	130.78	163.02	-
5.	DPUP3	150.00	157.62	11.07	146.17	151.13	-
6.	DPUP4	35.00	37.68	0.78	36.88	34.99	-
7.	DPUP5	50.00	53.82	0.87	52.94	53.65	4.87
8.	DPUP6	50.00	64.50	6.50	57.99	49.38	0.61
9.	DPUP7	60.00	83.18	2.25	80.93	60.00	-
Jumlah		2,093.11	2,229.00	338.67	1,869.36	1,893.68	37.41
BANK NEGARA MALAYSIA							
1.	Disaster Relief Facility (DRF2017)	5.17	5.17	1.43	3.75	5.17	-
2.	All Economic Sectors Facility (AES)	28.72	28.72	-	28.72	28.72	-
3.	Agrofood Facility (AF)	783.22	783.22	268.58	514.63	783.22	-
4.	Automation & Digitalisation Facility (ADF)	3.61	3.61	-	3.61	3.61	-
5.	Micro Enterprises Facility (MEF)	219.20	219.20	142.36	76.83	219.20	-
6.	Special Relief Facility (SRF2020)	371.57	371.57	32.66	338.91	338.91	-
7.	Targetted Relief Recovery Facility (TRRF2020)	450.00	450.00	-	450.00	290.45	159.55
Jumlah		1,861.49	1,861.49	445.03	1,416.45	1,669.28	159.55
JUMLAH KESELURUHAN		3,954.60	4,090.49	783.70	3,285.81	3,562.96	196.96

Sumber: Perjanjian Pembiayaan dan Senarai Pembiayaan Kerajaan oleh Bahagian Kewangan, Agrobank

Nota: (*) – Pembiayaan yang telah diluluskan namun belum disalurkan

- vi. Bagi pembiayaan berjumlah RM1.035 bilion daripada BNM untuk skim pembiayaan AES, AF, ADF dan MEF, pembiayaan akan disalurkan kepada Agrobank oleh BNM berdasarkan permohonan pelanggan bagi setiap skim berkenaan. Bayaran balik oleh Agrobank kepada BNM adalah berdasarkan jumlah kutipan bayaran daripada pelanggan. Jumlah kutipan daripada pelanggan akan dibayar kepada BNM berserta caj keuntungan yang dikenakan oleh BNM dibuat enam bulan sekali. Bagi pembiayaan SRF2020,

sejumlah RM371.57 juta telah disalurkan kepada Agrobank pada tahun 2020 dan tiada keuntungan dikenakan oleh BNM.

- vii. Semakan Audit terhadap data pembiayaan yang menggunakan dana daripada pembiayaan Kerajaan mendapati tunggakan bagi skim TASKS, DPK3, DPUP1 hingga DPUP7, AES, MEF, SRF2020 dan TRRF2020 berjumlah RM99.53 juta (2.6%) daripada pembiayaan diluluskan melibatkan 1,461 akaun. Tunggakan tertinggi adalah melibatkan sumber DPUP iaitu berjumlah RM92.99 juta (93.4%) melibatkan 1,399 akaun.

c. Geran Kerajaan

- i. Agrobank menerima geran daripada MAFI, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi pembiayaan konsesi. Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, Agrobank mempunyai baki geran Kerajaan berjumlah RM673.04 juta termasuk *fair value*. *Fair value* adalah pembiayaan MOF dengan bayaran balik pada kadar di bawah harga pasaran yang diiktiraf sebagai geran berjumlah RM374.90 juta daripada pembiayaan skim DPUP1 hingga DPUP7, *Commercial Agriculture*, *Special Relief Facility* dan *Disaster Relief Facility*. Baki geran sedia ada untuk pembiayaan adalah berjumlah RM298.14 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
SUMBER DANA GERAN KERAJAAN PADA TAHUN 2020

SUMBER	BUTIRAN/SKIM	BAKI GERAN (RM Juta)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	Pelbagai Skim	233.56
Unit Perancang Ekonomi (EPU)	Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)	35.60
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)	Skim Tanam Semula Pekebun Kecil Kelapa Sawit (TSPKS)	19.80
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	Skim Belia Tani/Belia Niaga (SBT)	9.18
<i>Fair value</i> daripada pembiayaan MOF yang diiktiraf sebagai geran	DPUP1 hingga DPUP7, <i>Commercial Agriculture</i> , <i>Special Relief Facility</i> dan <i>Disaster Relief Facility</i>	374.90
JUMLAH		673.04

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- ii. Penyalur geran yang tertinggi adalah daripada MAFI iaitu sejumlah RM233.56 juta berdasarkan baki geran setakat bulan Disember 2020. MAFI telah melantik Agrobank sebagai ejen untuk mengurus dan menyelia dana geran serta memberi kemudahan pembiayaan kepada pelanggan melalui perjanjian pengurusan geran. Agrobank akan dibayar upah sebanyak 3% atas baki bersih dana atau pada kadar yang telah dipersetujui dalam perjanjian di antara Agrobank dan MAFI.
- iii. Geran yang disalurkan oleh Kerajaan untuk tujuan skim tertentu antaranya ialah Skim Belia Tani/Belia Niaga (SBT), Program Taman Pemakanan Bersepadu (EPP8) dan Skim Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Sasaran pelanggan antaranya adalah golongan belia, graduan, usahawan pertanian dan pekebun kecil tanaman sawit. Pemilihan pelanggan yang layak untuk diberi pembiayaan ditentukan oleh pemberi dana. Jumlah geran TSPKS disalurkan oleh KPPK berdasarkan prestasi pembiayaan dan sambutan yang diterima daripada pekebun kecil.
- iv. Setakat bulan September 2021, Agrobank telah menerima geran daripada Kerajaan berjumlah RM121.57 juta dan baki geran belum guna berjumlah RM47.96 juta (39.5%). Kutipan bayaran pembiayaan (pokok dan keuntungan) daripada pelanggan akan dimasukkan ke dalam Tabung Dana geran masing-masing. Tabung Dana ini merupakan akaun Kerajaan di Agrobank bagi menyimpan dana atau jumlah baki dana dan boleh diguna untuk pembiayaan semula bagi skim yang sama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENGUNAAN GERAN KERAJAAN SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	SKIM PEMBIAYAAN	SUMBER GERAN	TAHUN/ TARIKH PERJANJIAN	JUMLAH GERAN (RM Juta)	JUMLAH KOMITED (RM Juta)	DANA SEDIA ADA UNTUK PEMBIAYAAN (RM Juta)	PENGUNAAN GERAN (%)
1.	Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)	MAFI	2008	5.90	3.42	2.48	58.0
2.	Program Agropreneur Muda	MAFI	2018	4.00	4.00	-	100
3.	Mekanisasi dan Automasi Agromakanan (M&A)	MAFI	2019	11.67	-	11.67	-
4.	Program Taman Pemakanan Bersepadu (EPP8)	MAFI	28.08.2013	60.00	42.10	17.90	70.2

BIL.	SKIM PEMBIAYAAN	SUMBER GERAN	TAHUN/ TARIKH PERJANJIAN	JUMLAH GERAN (RM Juta)	JUMLAH KOMITED (RM Juta)	DANA SEDIA ADA UNTUK PEMBIAYAAN (RM Juta)	PENGUNAAN GERAN (%)
5.	Skim Belia Tani/Belia Niaga (SBT)	KBS	11.10.2006	20.00	15.73	4.27	78.7
6.	Dana Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS)	KPPK	06.09.2019	20.00	8.36	11.64	41.8
JUMLAH				121.57	73.61	47.96	

Sumber: Senarai Geran Kerajaan oleh Bahagian Kewangan, Agrobank

- v. Semakan Audit mendapati tiga geran yang disalurkan oleh MAFI telah digunakan antara 58% hingga 100% untuk pembiayaan oleh Agrobank manakala geran Skim Mekanisasi dan Automasi Agromakanan (M&A) berjumlah RM11.67 juta tidak digunakan sepenuhnya. Keadaan ini berlaku disebabkan Agrobank hanya bertanggungjawab untuk menguruskan pembiayaan berdasarkan kepada senarai pelanggan yang diluluskan oleh penyalur dana. Setakat bulan Disember 2021, Agrobank belum menerima senarai pelanggan baharu yang layak daripada MAFI.
- vi. Semakan Audit selanjutnya mendapati Agrobank telah mengemukakan laporan prestasi pembiayaan daripada sumber geran secara bulanan atau berkala mengikut perjanjian yang telah ditetapkan kepada penyalur dana untuk tujuan pemantauan. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat menentukan kaedah pemantauan oleh MAFI terhadap keberhasilan ke atas penggunaan geran yang disalurkan kepada Agrobank.**
- vii. Semakan Audit terhadap data pembiayaan yang menggunakan dana daripada geran Kerajaan mendapati tunggakan bagi skim SBT, EPP8, Program Agropreneur Muda dan PPRT berjumlah RM5.94 juta (9.4%) daripada jumlah pembiayaan diluluskan. Skim SBT menyumbang kepada tunggakan tertinggi iaitu RM5.07 juta (85.3%) melibatkan 226 akaun.

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 31 Januari 2022

Agrobank telah dikehendaki untuk membentangkan laporan prestasi pembiayaan secara berkala dalam mesyuarat pengurusan tertinggi MAFI. Agrobank dalam proses penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi penggunaan dana pembiayaan Skim M&A sejumlah RM11.67 juta. Geran lain yang masih berbaki adalah untuk menampung sebahagian kadar keuntungan pembiayaan yang

diperoleh oleh pelanggan dan merupakan hasil kutipan bayaran balik pembiayaan daripada pelanggan yang belum digunakan semula sebagai pembiayaan baharu. Agrobank akan menstruktur semula program pembiayaan baharu dengan pihak yang berkaitan.

Pendapat Audit	Prestasi penggunaan dana pendeposit, pembiayaan dan geran Kerajaan adalah cekap kerana mampu menjana keuntungan kepada Agrobank dan telah digunakan mengikut tujuan dana.
---------------------------	--

5.2. Pengurusan Aktiviti Pembiayaan

5.2.1. Pengesahan Tujuan Pembiayaan

- a. Berdasarkan *Master Credit Policy*, pelanggan dikehendaki mengemukakan dokumen lengkap yang ditetapkan oleh Agrobank termasuk kenyataan tujuan pembiayaan. Permohonan akan melalui proses penilaian kredit termasuk menjalankan lawatan tapak bagi mengesahkan tanah, premis dan projek kecuali bagi pembiayaan Agrocash, Ar-Rahnu atau mengikut polisi produk tertentu. Seterusnya, pembiayaan akan diluluskan oleh pihak yang diberi kuasa mengikut had nilai ditetapkan.
- b. Selaras dengan objektif pengauditan iaitu menentukan pembiayaan diberi mengikut dimandatkan, semakan Audit adalah berfokus kepada maklumat tujuan pembiayaan. Analisis Audit telah dijalankan terhadap data pembiayaan setakat bulan September 2021 untuk mengesahkan tujuan pembiayaan yang mempunyai kaitan dengan sektor pertanian mengikut Panduan Mengenal Pasti Kod Sektor Berdasarkan MSIC 2008 Agrobank.
- c. Semakan Audit mendapati secara amnya terdapat 11 pengkelasan tujuan pembiayaan Agrobank. Setakat bulan September 2021, pembiayaan tertinggi yang diluluskan adalah bagi tujuan pertanian, perhutanan dan perikanan iaitu berjumlah RM20.989 bilion melibatkan 79,430 akaun dengan baki tunggakan berjumlah RM278.90 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENGKELASAN TUJUAN PEMBIAYAAN SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	PENKELASAN TUJUAN PEMBIAYAAN	BIL. AKAUN	JUMLAH DILULUSKAN (RM Juta)	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)
1.	Pertanian, perhutanan dan perikanan	79,430	20,988.89	6,358.95	278.90
2.	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal	12,288	20,112.60	1,541.17	160.05
3.	Pembuatan	3,492	12,330.38	1,461.09	77.55
4.	Aktiviti isi rumah sebagai majikan	144,607	4,345.98	3,523.68	65.92
5.	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	5,800	298.02	216.65	19.97
6.	Pembinaan	1,347	157.85	117.04	21.00
7.	Pengangkutan dan penyimpanan	468	68.38	53.04	2.55
8.	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	112	59.82	52.49	0.12
9.	Pendidikan	383	23.41	16.95	0.10
10.	Aktiviti hartanah	53	13.80	12.66	0.36
11.	Bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	9	0.48	0.43	0.04
JUMLAH		247,989	58,399.61	13,354.15	626.56

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- d. Semakan Audit selanjutnya dilaksanakan terhadap dokumen kelulusan, perjanjian dan laporan pemantauan Agrobank serta lawatan fizikal ke 78 sampel premis pelanggan secara rawak untuk pengesahan tujuan pembiayaan. Semakan terhadap kelulusan permohonan pembiayaan bagi 78 sampel ini mendapati pembiayaan telah melalui proses penilaian kredit dan diluluskan mengikut had kuasa yang ditetapkan.
- e. Berdasarkan lawatan Audit, 56 (71.8%) daripada 78 sampel pelanggan telah menjalankan aktiviti/projek mengikut tujuan pembiayaan yang diluluskan. Sebanyak 10 (12.8%) pelanggan berstatus akaun terjejas didapati premis tidak lagi beroperasi manakala **12 (15.4%) pelanggan yang membuat pembiayaan bagi pembelian tanah pertanian tidak memanfaatkan tanah tersebut untuk aktiviti berkaitan pertanian.** Penemuan bagi 12 sampel pelanggan ini diterangkan dalam perenggan berikutnya:
 - i. Berdasarkan Polisi Pembiayaan Hartani tahun 2014, produk ini diperkenalkan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan membeli dan memajukan tanah pertanian kepada individu yang bergaji tetap atau berpendapatan stabil. Jumlah maksimum pembiayaan ialah RM200,000 dan Bank boleh mempertimbangkan pembiayaan sehingga 100% daripada harga tanah. Kelulusan pula tertakluk kepada kuasa fungsi kredit semasa seperti dalam

Polisi Kuasa Melulus Kredit. Semakan semula polisi telah dibuat dan berkuat kuasa pada 8 Februari 2018, tujuan pembiayaan Hartani telah dipinda kepada menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelanggan bagi pembelian tanah pertanian.

- ii. Berdasarkan Polisi Pembiayaan Berjangka-i (Project) pula, objektif pembiayaan adalah untuk menawarkan kemudahan kepada pelanggan bagi pembelian aset tetap (antaranya kilang, gudang dan tanah) dan boleh juga digunakan untuk modal kerja bagi menjalankan projek dan aktiviti berhubung kait dengan industri pertanian dan asas tani.
- iii. Hasil lawatan Audit terhadap 12 sampel pelanggan bagi tujuan pembelian tanah pertanian mendapati **sembilan tanah tidak diusahakan dengan sebarang aktiviti pertanian atau berkaitan dengan pertanian. Selain itu, tiga tanah yang dilawati didapati telah diusahakan dengan aktiviti selain pertanian.** Semakan selanjutnya mendapati pembiayaan berkenaan telah diluluskan dalam tempoh tahun 2015 hingga 2018 melalui pembiayaan jenis *Project* dan Hartani. Butiran penemuan Audit bagi 12 pelanggan berkenaan adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

JADUAL 16
PENEMUAN LAWATAN AUDIT TERHADAP PELANGGAN AGROBANK

BIL.	PELANGGAN	TARIKH LULUS	JUMLAH LULUS (RM)	BAKI PEMBIAYAAN (RM)	KELUASAN TANAH (Hektar)
Penemuan Audit: Tanah Tidak Diusahakan Dengan Aktiviti Pertanian					
1.	Pelanggan A	19.03.2015	414,000	371,463	0.7080
2.	Pelanggan B (Gambar 1)	01.04.2015	360,000	224,918	0.8084
3.	Pelanggan C	08.04.2016	765,000	753,238	1.7990
4.	Pelanggan D	05.08.2016	500,000	457,660	0.9814
5.	Pelanggan E	27.01.2017	300,000	260,316	0.2123
6.	Pelanggan F	22.02.2017	220,000	307,655	3.2365
7.	Pelanggan G	01.08.2017	160,000	169,269	0.5029
8.	Pelanggan H (Gambar 2)	31.05.2018	270,000	265,922	0.2355
9.	Pelanggan I (Gambar 3)	03.09.2018	1,900,000	1,643,475	0.8764
Penemuan Audit: Tanah Diusahakan Dengan Aktiviti Selain Pertanian					
10.	Pelanggan J (Gambar 4)	22.12.2015	560,000	322,836	1.0100
11.	Pelanggan K (Gambar 5)	23.11.2016	5,110,000	4,096,250	2.1350
12.	Pelanggan L (Gambar 6)	14.07.2017	500,000	567,924	0.8364

Sumber: Perjanjian Pembiayaan, Data Pembiayaan Setakat bulan September 2021 dan Lawatan Audit

GAMBAR 1



Sg. Karang, Kuantan
- Tanah yang tidak diusahakan dengan
aktiviti pertanian
(11.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Langkawi, Kedah
- Tanah yang tidak diusahakan dengan
aktiviti pertanian
(23.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Teluk Panglima Garang, Selangor
- Tanah yang tidak diusahakan dengan
aktiviti pertanian
(21.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Selayang, Selangor
- Pembinaan stor pengangkutan di atas
tanah yang dibeli
(18.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Semenyih, Selangor
- Pembinaan stor penyimpanan di atas
tanah yang dibeli dan tanah akan disewakan
(03.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Langkawi, Kedah
- Tanah dibangunkan dengan projek perumahan
(24.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Lawatan Audit mendapati Pelanggan J membeli tanah berstatus pertanian dengan menyatakan tujuan untuk membina stor pengangkutan semasa permohonan seperti dalam **Gambar 4**. Pembiayaan ini telah direkodkan sebagai pembiayaan dimandatkan (Term-i Financing). Selain itu, lawatan Audit terhadap Pelanggan K mendapati tanah telah dibangunkan dengan stor

penyimpanan dan tanah akan disewakan seperti dalam **Gambar 5. Aktiviti pelanggan berkenaan tidak selaras dengan objektif yang menyumbang kepada sektor pertanian secara langsung.**

- v. Lawatan Audit juga mendapati Pelanggan L telah membangunkan tanah pertanian yang dibeli dengan membina projek perumahan iaitu lapan unit rumah berkembar setingkat. Projek perumahan ini dijalankan di atas tanah yang masih berstatus pertanian dan projek didapati terbengkalai seperti dalam **Gambar 6.**
- vi. Semakan Audit selanjutnya mendapati klausa 2.2. perjanjian pembiayaan antara pelanggan dan Agrobank menyatakan pembiayaan yang diterima boleh digunakan oleh pelanggan bagi apa jua tujuan yang tidak melanggar syariah. Bank tidak terikat untuk memastikan pelanggan menggunakan pembiayaan bagi tujuan sepatutnya. **Klausa ini jelas tidak mengikat pelanggan untuk menjalankan aktiviti yang hanya berkaitan pertanian melalui kemudahan pembiayaan yang diterima.**
- vii. Semakan Audit juga mendapati **polisi Agrobank tidak mewajibkan pelanggan untuk membangunkan tanah yang dibeli. Namun, keadaan ini menyebabkan pembiayaan tanah oleh Agrobank yang tidak diusahakan dengan aktiviti berkaitan pertanian tidak menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian.**

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 25 Februari 2022

Tujuan pembiayaan bagi kesemua sampel 12 pelanggan adalah bagi pembelian tanah pertanian sahaja dan surat tawaran tidak menyatakan tujuan pembiayaan bagi mengusahakan tanah berkenaan. Perkara ini adalah selari dengan polisi pembiayaan Agrobank yang membenarkan tujuan pembiayaan adalah untuk pembelian tanah pertanian seperti yang dinyatakan. Agrobank tidak boleh mengambil tindakan kepada pelanggan sekiranya pelanggan tidak mengusahakan dengan aktiviti pertanian melainkan tujuan pembiayaan dinyatakan secara jelas dalam surat tawaran.

Pendapat Audit	Pembiayaan pembelian tanah pertanian tanpa memastikan pelanggan mengusahakan aktiviti berkaitan pertanian boleh menjejaskan peranan Agrobank dalam pembangunan sektor pertanian negara yang selaras dengan objektif penubuhannya.
-----------------------	--

5.2.2. Pengurusan Pembiayaan Terjejas

5.2.2.1. Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar

- a. Nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah untuk mengukur kualiti aset pembiayaan Agrobank berdasarkan baki pembiayaan terjejas daripada keseluruhan baki pembiayaan. Pengurusan akaun pembiayaan terjejas adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengurusan Aset Khas. Berdasarkan Polisi Klasifikasi Akaun, Agrobank menetapkan sesuatu akaun diklasifikasikan sebagai pembiayaan terjejas apabila tertunggak melebihi tiga bulan dari tarikh sepatutnya dibayar.
- b. Berdasarkan sumber BNM, nisbah purata industri perbankan bagi pembiayaan terjejas kasar pada tahun 2020 ialah 1.6%. Semakan Audit berdasarkan penyata kewangan beraudit Agrobank mendapati **nisbah pembiayaan terjejas kasar Agrobank semakin meningkat pada tahun 2020 (6.7%) berbanding tahun 2019 (4.3%) dan 2018 (4.1%)**. Nisbah yang dicatat oleh Agrobank ini adalah tinggi berbanding industri. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBIAYAAN TERJEJAS KASAR AGROBANK
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

TAHUN	PEMBIAYAAN TERJEJAS KASAR		
	NISBAH (%)	BIL. AKAUN	JUMLAH (RM Juta)
2018	4.1	10,124	439.34
2019	4.3	10,020	511.79
2020	6.7	10,917	889.05

Sumber: Data Pembiayaan Terjejas dan Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2018, 2019 dan 2020

- c. Setakat bulan Disember 2020, sebanyak 10,917 akaun pembiayaan berjumlah RM889.05 juta berstatus terjejas. **Jumlah pembiayaan terjejas menunjukkan trend peningkatan ketara sebanyak 102.4% dari tahun 2018 hingga 2020**. Keadaan ini disebabkan pelanggan tidak dapat membayar balik pembiayaan akibat pandemik Covid-19. Akaun berstatus terjejas tertinggi terdiri daripada pembiayaan kepada sektor tanaman, perniagaan borong dan runcit serta ternakan manakala negeri tertinggi adalah Selangor, Kedah dan Perak.
- d. Semakan Audit terhadap pembiayaan terjejas mengikut produk bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 mendapati tiga produk terjejas tertinggi adalah

MUST-i (2018 hingga 2020), *Special Relief Facility* (2018 dan 2019) dan *Fund for Food* (2018 hingga 2020). Produk Agrocash pula merekodkan peratus penjejasan yang rendah iaitu 0.4% hingga 0.8% dalam tempoh yang sama disebabkan bayaran balik melalui potongan gaji kakitangan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan secara tetap. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBIAYAAN TERJEJAS MENGIKUT PRODUK BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

PRODUK	2018			2019			2020		
	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBIAYAAN TERJEJAS (RM Juta)	PERATUS (%)	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBIAYAAN TERJEJAS (RM Juta)	PERATUS (%)	BAKI PEMBIAYAAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBIAYAAN TERJEJAS (RM Juta)	PERATUS (%)
MUST-i	174.55	31.45	18.0	177.21	27.99	15.8	163.73	24.34	14.9
Special Relief Facility	9.81	1.42	14.5	5.97	1.13	18.9	347.54	0.54	0.2
Fund for Food	738.45	56.34	7.6	805.12	64.21	8.0	786.98	79.10	10.1
Trade Finance	732.72	53.87	7.4	999.86	77.14	7.7	856.44	129.60	15.1
Murabahah Working Capital Financing & Working Capital-i	236.09	12.29	5.2	271.70	11.73	4.3	220.94	17.95	8.1
Agrocash	4,341.50	35.41	0.8	4,659.01	30.40	0.7	5,221.25	18.76	0.4
Project	2,659.88	150.14	5.6	2,907.41	175.41	6.0	3,015.51	217.41	7.2
Lain-lain	1,807.03	98.42	5.4	1,919.49	123.78	6.4	2,502.04	401.35	16.0
JUMLAH	10,700.03	439.34	4.1	11,745.77	511.79	4.3	13,114.43	889.05	6.7

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- e. Selanjutnya, pihak Audit menjalankan pengiraan nisbah pembiayaan terjejas tanpa mengambil kira pembiayaan Agrocash yang merupakan pembiayaan tertinggi Agrobank. Pihak Audit mendapati kadar pembiayaan terjejas adalah antara 6.4% hingga 11% iaitu lebih tinggi berbanding keseluruhan 4.1% hingga 6.7%. Pengiraan ini menunjukkan **pembiayaan Agrocash yang merupakan pembiayaan peribadi telah mempengaruhi kedudukan keseluruhan nisbah pembiayaan terjejas kasar yang lebih rendah**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
NISBAH PEMBIAYAAN TERJEJAS (TIDAK TERMASUK AGROCASH)
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Jumlah Baki Pembiayaan (a)	10,700.03	11,745.77	13,114.43
Baki Pembiayaan Agrocash (b)	4,341.50	4,659.01	5,221.25
Jumlah Baki Pembiayaan (tidak termasuk Agrocash) (c=a-b)	6,358.53	7,086.76	7,893.18
Jumlah Pembiayaan Terjejas (d)	439.34	511.79	889.05
Pembiayaan Terjejas Agrocash (e)	35.41	30.40	18.76
Jumlah Pembiayaan Terjejas (tidak termasuk Agrocash) (f=d-e)	403.93	481.39	870.29
Nisbah Pembiayaan Terjejas Mengikut Kiraan Audit (f/c x 100%)	6.4%	6.8%	11.0%

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 21 Januari 2022

Faktor pembiayaan terjejas adalah seperti berikut:

- i. Produk MUST-i dan *Special Relief Fund* bagi tahun 2018, 2019 dan sebelumnya, pembiayaan mikro hanya fokus terhadap pembiayaan secara langsung kepada usahawan mikro. Bermula dari tahun 2020, Agrobank telah menukarkan pendekatan dengan mewujudkan struktur pembiayaan yang lebih mampan melalui perubahan struktur operasi yang lebih komprehensif di semua peringkat *business unit* serta pembentukan model pembiayaan berasaskan program berstruktur. Antara elemen program berstruktur adalah mewujudkan elemen *cash fencing* dan penyeliaan secara lawatan premis. Bermula dari tahun 2020, kadar pembiayaan terjejas mengalami pengurangan dan sehingga tahun 2022 anggaran kadar yang direkodkan adalah 8%.
- ii. Produk *Murabahah Working Capital Financing & Working Capital-i* disebabkan kelemahan operasi perniagaan pelanggan dan Agrobank telah mengenal pasti kelemahan yang wujud serta mengambil tindakan menyemak semula manual operasi standard akaun pembiayaan.
- f. Peruntukan rosot nilai pembiayaan adalah mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS9). Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, peruntukan rosot nilai pembiayaan meningkat kepada RM208.40 juta berbanding RM26.01 juta pada tahun 2019. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah bertarikh 19 Januari 2021 membentangkan peruntukan rosot nilai tertinggi disumbangkan oleh empat syarikat iaitu Pelanggan M, N, O dan P yang berjumlah RM125.16 juta. Lembaga Pengarah juga telah

membincangkan isu kelemahan pengurusan yang menyebabkan peningkatan dalam rosot nilai pembiayaan namun tidak mengambil tindakan atau strategi sewajarnya untuk mengurangkan pembiayaan terjejas berkenaan.

- g. Semakan selanjutnya mendapati setakat bulan November 2021, tindakan undang-undang telah diambil terhadap tiga pelanggan kecuali Pelanggan O. Tindakan terhadap Pelanggan O masih dalam peringkat perbincangan penyelesaian tunggakan selepas diklasifikasikan sebagai terjejas pada bulan Mac 2021. Pelanggan O mempunyai tujuh akaun pembiayaan berjumlah RM214 juta antaranya untuk membiayai kos pembangunan tanaman sawit di Bintulu, Sarawak dan perolehan tanah pajakan di Lojing, Kelantan.
- h. Berdasarkan rekod Jabatan Pengurusan Aset Khas setakat bulan November 2021, Pelanggan O mempunyai akaun terjejas berjumlah RM192.01 juta. Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan melalui mesyuarat pada 25 Mac 2021 mengarahkan unit perniagaan supaya membuat pengesahan dengan pejabat tanah berkenaan status tanah yang hendak dibiayai bagi menjaga kepentingan Agrobank. Butiran tindakan Agrobank adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
STATUS TINDAKAN AGROBANK BAGI PELANGGAN TERJEJAS

PELANGGAN	JENIS PEMBIAYAAN	TEMPOH KELULUSAN (Tahun)	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM Juta)			STATUS TINDAKAN SETAKAT BULAN NOVEMBER 2021
			LULUS	BAKI (Sept 2021)	TERJEJAS (Nov 2021)	
Pelanggan M	Mura Working Capital Financing-i, Agro CashLine-i dan Project	2014-2015	49.35	40.36	40.52	Tindakan sivil terhadap pelanggan dan rampasan hartanah yang dicagar (lelong).
Pelanggan N	Mura Working Capital Financing-i, Agro CashLine-i dan DPK 3 GLC-I	2016-2019	36.00	33.98	34.59	Tindakan sivil terhadap pelanggan (saman writ telah dikeluarkan) dan rampasan hartanah yang dicagar (dalam perbicaraan).
Pelanggan O	Agro CashLine-i dan Project	2015-2018	214.00	219.59	192.01	Proses perbincangan penyelesaian pembiayaan melalui hasil jualan balak dan tanah di Bintulu.
Pelanggan P	Agro CashLine-i dan Project	2015-2020	16.49	16.22	16.34	Peguam cara mengemukakan surat nasihat berkaitan dokumen urusan pindah hak milik sekuriti bagi tujuan penstrukturan semula akaun pembiayaan.
JUMLAH			315.84	310.15	283.46	

Sumber: Data Pembiayaan, Laporan Status dan Rekod Jabatan Pengurusan Aset Khas, Agrobank

- i. Semakan Audit terhadap pembiayaan menggunakan sumber geran mendapati setakat bulan September 2021, 523 permohonan pembiayaan SBT telah diluluskan. Namun, **baki pembiayaan SBT berjumlah RM5.07 juta adalah terjejas melibatkan 226 (43.2%) akaun** dengan tempoh tunggakan bermula antara tahun 2010 hingga 2021. Agrobank telah mengambil tindakan antaranya pengisytiharan bankrap dan saman terhadap akaun terjejas ini serta tindakan guaman.

Pendapat Audit | **Prestasi pembiayaan terjejas menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Kadar pembiayaan terjejas Agrocash yang rendah iaitu 0.4% hingga 0.8% mempengaruhi nisbah pembiayaan terjejas keseluruhan Agrobank.**

5.2.2.2. Hapus Kira Pembiayaan

- a. Berdasarkan Polisi Hapus Kira tahun 2019, Agrobank menetapkan tempoh dua tahun untuk menghapus kira baki belum bayar selepas sesuatu akaun diklasifikasikan sebagai pembiayaan terjejas (tidak termasuk produk Agrocash). Hapus kira tidak mengambil kira status semasa tindakan pemulihan/pembayaran yang sedang dijalankan. Kelulusan hapus kira adalah oleh Jawatankuasa Pengurusan Kredit; atau Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (melebihi RM10 juta).
- b. Semakan Audit mendapati sejumlah **RM267.48 juta melibatkan 8,257 akaun telah dihapus kira bagi tahun 2018 hingga 2020**. Analisis Audit mendapati RM76.03 juta (28.4%) pembiayaan dihapus kira melibatkan 772 akaun dalam tempoh berkenaan adalah daripada sumber dana Kerajaan. Sejumlah RM191.45 juta (71.6%) yang dihapus kira pula melibatkan 7,485 akaun daripada sumber dana Agrobank.
- c. Analisis selanjutnya mendapati skim tertinggi yang dihapus kira bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah skim *Fund for Food* (3F) berjumlah RM45.36 juta (59.7%) melibatkan 195 akaun. Skim pembiayaan 3F merupakan salah satu skim yang ditawarkan di bawah Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian (DPUP) daripada MOF bagi membiayai modal tetap/modal kerja dengan tempoh maksimum pembiayaan 120 bulan (10 tahun).

- d. Semakan selanjutnya mendapati tiga produk tertinggi yang dihapus kira menggunakan sumber Agrobank bagi tahun 2018 hingga 2020 ialah BBA Project (RM74.34 juta), Bai Al-Innah (RM42.44 juta) dan MUST-i (RM26.49 juta). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
HAPUS KIRA PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

SUMBER/ SKIM/ PRODUK	2018		2019		2020		JUMLAH	
	JUMLAH HAPUS KIRA (RM Juta)	BIL. AKAUN	JUMLAH HAPUS KIRA (RM Juta)	BIL. AKAUN	JUMLAH HAPUS KIRA (RM Juta)	BIL. AKAUN	JUMLAH HAPUS KIRA (RM Juta)	BIL. AKAUN
Kerajaan (A)	50.41	292	13.36	246	12.26	234	76.03	772
BBA 3F (Specific)	35.01	103	5.18	64	5.17	28	45.36	195
BBA PKS (Special)	5.80	4	0.02	2	0.21	2	6.03	8
BBA MPPB (Special)	0.84	20	3.28	10	0.41	6	4.53	36
BBA SPBP-i (Special)	3.46	26	0.25	1	0.67	3	4.38	30
Paddy Cash-i	1.05	59	1.22	84	0.90	84	3.17	227
BBA TIKS (Specific)	2.18	1	0	0	0	0	2.18	1
Special Relief Facility	0.59	22	0.66	28	0.59	24	1.84	74
Tawarruq MPPB (SP)	0.32	5	0.23	2	0.31	7	0.86	14
Lain-lain	1.16	52	2.52	55	4	80	7.68	187
Agrobank (B)	92.31	2,349	50.56	2,781	48.58	2,355	191.45	7,485
BBA Project (Normal)	58.19	145	4.32	74	11.83	50	74.34	269
Bai Al-Innah	12.01	338	19.66	569	10.77	687	42.44	1,594
MUST-i	14.98	1,202	7.80	799	3.71	518	26.49	2,519
Tawarruq MUST-i	1.64	98	4.63	359	9.81	709	16.08	1,166
Tawarruq Agrocash-i	0.35	9	6.35	188	8.21	213	14.91	410
Tawarruq Project (Normal)	1.33	10	1.84	23	0.99	11	4.16	44
WCF Purchase Financing	2.75	14	0	0	0	0	2.75	14
Skim Ar-Rahnu Bulan	0.34	498	0.55	705	0.03	52	0.92	1,255
Insani-i	0.22	17	0.16	17	0.21	20	0.59	54
Lain-lain	0.50	18	5.25	47	3.02	95	8.77	160
JUMLAH (A+B)	142.72	2,641	63.92	3,027	60.84	2,589	267.48	8,257

Sumber: Bahagian Kewangan, Agrobank

- e. Semakan Audit mendapati Agrobank masih meneruskan usaha mengutip balik pembiayaan walaupun akaun tersebut telah diisytihar untuk dihapus kira selaras dengan perenggan 12.1 polisi Agrobank. Agrobank telah mengambil tindakan antaranya ialah melaksanakan lelongan aset yang dicagarkan dan

mengambil tindakan undang-undang. Usaha ini telah berhasil mengutip balik RM125.22 juta daripada akaun yang dihapus kira iaitu RM45.09 juta (2020), RM48.02 juta (2019) dan RM32.11 juta (2018).

Maklum balas Agrobank yang diterima pada 21 Januari 2022

Lebih 90% pembiayaan tersebut dihapus kira berdasarkan polisi *time triggered* iaitu akaun pembiayaan yang tidak berbayar melepasi sesuatu tempoh yang telah ditetapkan selepas usaha yang menyeluruh untuk mendapatkan pembayaran balik daripada pelanggan tidak berjaya. Bagaimanapun, pihak Bank masih meneruskan usaha pemulihan/kutipan pembiayaan. Status tindakan setakat 31 Disember 2021 bagi akaun yang telah dihapus kira berdasarkan *time triggered* antaranya adalah melantik ejen kutipan hutang, tindakan guaman, mengisytihar bankrap, tindakan saman dan menghantar notis tuntutan.

Pendapat Audit	Pembiayaan terjejas Agrobank telah diuruskan dengan sewajarnya. Tindakan Agrobank telah berhasil mengutip balik pembiayaan yang dihapus kira berjumlah RM125.22 juta bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020.
-----------------------	---

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab.

5.3.2. Secara keseluruhannya, Agrobank telah mengamalkan sepenuhnya lima daripada sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit, Audit Dalaman serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Bagi empat aspek amalan tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah Pengerusi, Lembaga Pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) dan Prosedur Operasi Standard diringkaskan seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Pengerusi	Seksyen 212 Akta Syarikat 2016: Pengerusi hendaklah dilantik di kalangan ahli Lembaga Pengarah dan tempoh jawatan perlu ditetapkan. Terma dan syarat perkhidmatan bagi Pengerusi yang diluluskan oleh MKD menetapkan perisytiharan harta perlu dibuat semasa menerima tawaran dan pada awal bulan Januari bagi setiap tahun perkhidmatan kepada MOF.	Bagi tempoh 30 Julai 2019 hingga 11 November 2020, berlaku kekosongan jawatan Pengerusi selama 15 bulan. Pengerusi tidak mengemukakan perisytiharan harta bagi tahun 2018 dan 2019 kepada MOF.
Lembaga Pengarah	Perenggan 9.3 <i>Bank Negara Malaysia's Corporate Governance Policy 2019</i>: Pengarah hendaklah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 75% daripada bilangan keseluruhan mesyuarat Lembaga Pengarah dalam setahun. Kegagalan menghadiri tiga mesyuarat Lembaga Pengarah secara berturut-turut boleh mengakibatkan keahlian digugurkan. Piagam Lembaga Pengarah Agrobank perenggan 10.8(iii) menetapkan Lembaga Pengarah dikehendaki mengisytiharkan harta dalam masa 30 hari setelah dilantik sebagai Pengarah dan seterusnya mengisytiharkan sekurang-kurangnya dua kali setahun.	Kehadiran wakil MAFI bagi tahun 2018 dan 2020 tidak mencapai kehadiran minimum 75%. Lembaga Pengarah tidak mengemukakan perisytiharan harta bagi tahun 2018 dan 2019 kepada Agrobank.
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif	<i>Bank Negara Malaysia's Corporate Governance Policy 2019</i>, perenggan 17.4 dan 17.5: Syarikat DFI hendaklah mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif pada setiap masa dan menumpukan sepenuh masa terhadap operasi DFI. Surat pelantikan Penanggung Tugas PCEO menyatakan hanya elaun memangku yang layak diberi. Terma dan syarat perkhidmatan bagi PCEO yang diluluskan oleh MKD menetapkan perisytiharan harta perlu dibuat semasa menerima tawaran dan pada awal bulan Januari bagi setiap tahun perkhidmatan kepada MOF.	Jawatan PCEO Agrobank tidak diisi sejak 27 Jun 2019 hingga 31 Disember 2021 iaitu selama 2 tahun 6 bulan. Penanggung Tugas PCEO telah menggunakan kelayakan PCEO berkaitan elaun kenderaan iaitu penyelenggaraan kenderaan, petrol dan Touch 'n Go. PCEO tidak mengemukakan perisytiharan harta bagi tahun 2018 kepada MOF.
Prosedur Operasi Standard	Manual Operasi Perolehan menetapkan had nilai kontrak yang diberi kuasa kepada PCEO ialah tidak melebihi RM250,000 manakala Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia tidak melebihi RM3 juta. Manual Operasi Perolehan hendaklah lengkap dan terperinci dengan maklumat antaranya elemen akauntabiliti dan jaminan bagi pelaksanaan obligasi vendor terhadap Agrobank.	Dua perolehan yang bernilai RM1.04 juta melibatkan Bahagian Sumber Manusia telah diluluskan oleh pegawai yang melebihi had kuasa melulus. Manual Operasi Perolehan tidak lengkap dan terperinci dengan maklumat mengenai akauntabiliti dan jaminan bagi pelaksanaan obligasi vendor terhadap Agrobank.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas MKD dan Agrobank yang diterima pada 21 dan 26 Januari 2022

Pelantikan Pengerusi sesebuah syarikat memerlukan pertimbangan daripada pelbagai aspek dan MKD perlu sentiasa memastikan calon yang dilantik adalah berkelayakan dan bersesuaian. MKD juga akan memantau laporan perisytiharan harta Pengerusi dan PCEO yang perlu dikemukakan kepada MKD pada masa akan datang berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan.

Kekosongan jawatan Pengerusi menyumbang kepada ketidakseimbangan di kalangan Lembaga Pengarah. Hal ini berlaku disebabkan kekerapan pertukaran pucuk pimpinan Kerajaan. Pencalonan Pengerusi dicadangkan oleh pemegang saham iaitu MOF. Pengerusi penting dan berperanan dalam memastikan dinamik dan keseimbangan dalam membuat keputusan di kalangan Lembaga Pengarah.

Agrobank akan memastikan kelayakan dan kemudahan perjawatan Penanggung Tugas PCEO dijelaskan dalam surat pelantikan dan polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Perolehan *Organisational Health Check* telah dibincangkan dan disahkan oleh Lembaga Pengarah pada 25 Februari 2021 manakala perolehan *Medical Health Screening* oleh Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia pada 12 April 2021. Selain itu, Agrobank dalam proses penambahbaikan Manual Operasi Perolehan mengambil kira teguran Audit dan dijangka selesai pada 30 Jun 2022.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, Agrobank masih belum mencapai amalan tadbir urus korporat yang baik. Penambahbaikan terhadap aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, PCEO dan Prosedur Operasi Standard dapat meningkatkan ketelusan tadbir urus Agrobank.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, Agrobank telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembiayaan bagi pembangunan sektor pertanian yang dimandatkan. Pencapaian output KPI telah melebihi tahap minimum 80% yang ditetapkan oleh MKD iaitu antara 93% hingga 98.6%. Namun, sumbangan pembiayaan dimandatkan yang direkodkan melebihi 89% berbanding sasaran 70% mengambil kira pembiayaan peribadi Agrocash sebenarnya tidak menjelaskan pembiayaan yang dibuat bagi tujuan pertanian. Perkara ini berdasarkan aktiviti pembiayaan tertinggi Agrobank iaitu pembiayaan peribadi Agrocash tidak mewajibkan permohonan bagi tujuan membiayai aktiviti pertanian. Pembiayaan bagi pembelian tanah yang tidak diusahakan berkaitan dengan aktiviti pertanian juga tidak menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara. Nisbah pembiayaan terjejas kasar menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Kadar pembiayaan terjejas produk Agrocash yang rendah memberi impak kepada prestasi keseluruhan pembiayaan terjejas Agrobank. Bagaimanapun, kedudukan kewangan Agrobank dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dan Agrobank berupaya membayar dividen kepada Kerajaan pada setiap tahun. Sumber dana pendeposit yang digunakan bagi tujuan pembiayaan telah menjana keuntungan 55.9% daripada keseluruhan pendapatan Agrobank pada tahun

2020 manakala sumber dana daripada geran dan pembiayaan Kerajaan telah digunakan mengikut tujuan. Amalan tadbir urus korporat juga berada pada tahap memuaskan.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan Agrobank, pihak pengurusan, Lembaga Pengarah Agrobank dan pemegang taruh perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

- i. memastikan tujuan pembiayaan bermandat yang jelas dalam pengukuran prestasi pembiayaan yang berkaitan dengan pertanian supaya pencapaian yang dilaporkan adalah lebih tepat dan selaras dengan objektif penubuhan Agrobank;
- ii. mengkaji dan menilai semula objektif dan tujuan pembiayaan peribadi dengan jelas supaya pembiayaan ini dapat menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian secara keseluruhannya;
- iii. menyelaraskan semula dasar MAFI dan Agrobank berhubung pembiayaan bagi pembelian tanah supaya dapat menyumbang kepada kelestarian sektor pertanian negara secara menyeluruh; dan
- iv. meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik terutamanya aspek pelantikan Pengerusi dan PCEO; memastikan kehadiran wakil Kementerian dalam mesyuarat Lembaga Pengarah melebihi 75%; dan pematuhan kepada Manual Operasi Perolehan.